

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي خلق الإنسان وعلمه البيان. أشكره شكره من طلب المزيد من الملك الديانأشهد  
أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له الكريم المنان وأشهد أن محمدا عبده ورسوله العوثر بأشرف  
اللهم صل وسلم وبارك على سيدنا محمد وعلى آله واصحابه أهل الفضل والعرفان

## PENDAHULUAN

Masjid adalah bangunan dan institusi yang penting dalam pembangunan masyarakat Islam. Sesuai dengan kepentingan dan kedudukan masjid yang sedemikian, maka masjid adalah merupakan institusi pertama yang ditubuhkan sesampai baginda Rasulullah salallahu 'alaihi wasallam di Madinah al-Munawwarah. Masjid dijadikan sebagai pusat ibadat dan muamalat, pusat penyebaran Islam, pemerintahan dan pentadbiran, gedung ilmu pengetahuan dan pembentukan akhlak serta pusat kegiatan yang mendatangkan manfaat kepada Islam dan umatnya.

Zaman berubah dan ini telah mendatangkan kesan kepada pelbagai lapangan hidup manusia. Sehubungan dengan perubahan keadaan hidup dan pertumbuhan pelbagai institusi sesuai dengan pertambahan penduduk dan peningkatan laras kehidupan, peranan masjid juga telah berubah. Kesudahannya banyak fungsi masjid telah diambil, hingga ianya menjadi tempat eksklusif untuk beribadah khusus iaitu bersembahyang, beriktiakaf dan berzikir sahaja. Fungsi lain telah dikeluarkan setelah lahirnya pelbagai institusi secara tersendiri. Penjajahan Barat dari segi kuasa politik, pemikiran dan budaya juga telah menyebabkan banyak pertembungan nilai dan budaya juga telah menjelaskan banyak institusi yang berteraskan Islam. Pengaruh sekularisme yang memisahkan antara urusan agama dan dunia sedikit sebanyak memberi kesan terhadap ikatan kukuh muslimin terhadap masjid hingga peranannya terhad.

Walau bagaimanapun setelah kejayaan revolusi Iran, masyarakat Islam mula kembali kepada ajaran Islam. Gelombang kebangkitan Islam melanda seluruh corak kehidupan dan pemikiran umat Islam. Masjid kembali menjadi sebuah institusi penting kepada masyarakat Islam. Peranannya dan fungsinya semakin meluas.

Masjid-masjid di negara ini juga, tidak terkecuali dari menerima perubahan tersebut. Daripada hanya menyediakan khidmat ibadat, kebanyakan masjid kini berfungsi sebagai pusat perkembangan dan kemajuan masyarakat Islam. Khidmat-khidmat seperti pembangunan keluarga, pra-sekolah, pendidikan, kaunseling dan sebagainya diberi sorotan utama.

## PEMBANGUNAN KELUARGA

### *Dasar dan Pengertian Keluarga*

Mungkin agak sukar untuk mendefinisikan perkataan keluarga secara tepat. Ini kerana banyak model klasifikasi dan tipologi digunakan untuk menjelaskan pengertiannya. Firman Allah subhanahu wa taala:

فاطر السموات والأرض جعل لكم من أنفسكم أزواجاً ومن الأئمّة أزواجاً يذرؤكم فيه ليس

كمثله شيء وهو السميع البصير ( Al- Syuraa : 11 )

Tafsirnya: " Dialah yang menciptakan langit dan bumi; Ia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, dan menjadikan dari binatang-binatang ternak pasangan (bagi binatang-binatang itu); dengan jalan yang demikian dikembangkanNya (zuriat keturunan) kamu semua. Tiada sesuatupun yang sebandingdengan (ZatNya), sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat."

Secara operasional, pengertian keluarga adalah satu struktur yang bersifat khusus, di mana setiap individu yang berada di dalamnya diikat oleh satu ikatan melalui hubungan darah atau pernikahan. Perikatan itu membawa kepada wujudnya rasa saling mengharap (mutual expectation) yang sesuai dengan ajaran agama dan dikukuhkan lagi dengan kekuatan undang-undang serta secara individunya saling mempunyai ikatan batin.

Pengertian keluarga itu terletak pada adanya rasa saling mengharap antara para anggota dalam struktur keluarga tersebut. Pengertian tentang keluarga yang dijelaskan di atas adalah tidak dibatasi oleh kerangka tempat tinggal, sebab tidak semua anggota keluarga itu terkumpul dalam satu tempat tinggal.

Fungsi utama institusi keluarga dalam Islam adalah untuk menjamin wujudnya suasana di mana nilai-nilai Islam dapat tumbuh dan berkembang di dalam jiwa, diri dan peribadi ahli keluarga. Melalui institusi keluarga generasi muda diasuh dan dididik untuk menghayati Islam dan dibentuk untuk mendokong aspirasi-aspirasi yang dikehendaki dan diredhai oleh Islam. Firman Allah subhanahu wa taala

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَاهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ (٦: Al-Tahrim)

Tafsirnya: "Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu"

Keluarga adalah unit pertama dan institusi pertama di dalam masyarakat di mana hubungan-hubungan yang terdapat di dalamnya, sebahagian besar sifatnya hubungan-hubungan langsung. Di situ lah berkembangnya individu dan terbentuknya tahap-tahap awal pemasarakatan (*socialization*). Keluarga juga merupakan asas yang pertama kepada pembinaan masyarakat. Ini adalah kerana masyarakat itu terdiri daripada unit-unit keluarga. Oleh kerana terdapatnya hubungan yang erat antara keluarga dengan masyarakat maka masalah keluarga juga merupakan masalah kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu adalah tidak menghairankan jika negara turut campurtangan dalam urusan kekeluargaan dengan mengadakan peraturan-

peraturan dan pembatasan-pembatasan untuk menjamin kestabilan institusi keluarga.

### ***Membangun Institusi keluarga***

Keluarga sebagai institusi asas perlu diperkasakan sebagai langkah pertama ke arah merealisasikan Wawasan negara untuk mewujudkan masyarakat yang sihat, penyayang, berbudaya dan berdaya saing. Dalam menghadapi cabaran alaf baru, Brunei mengorak langkah ke arah kemajuan dalam erti kata yang sebenar mengikut acuan tersendiri, yang tetap mengekal, menyanjung dan mengamalkan sistem nilai, moral, kebudayaan, kemasyarakatan dan kekeluargaan yang murni.

Konsep pembangunan keluarga mempunyai sifat yang menyeluruh. Ia merangkumi aspek-aspek intelektual, moral, kerohanian (spiritual) dan kebendaan (material). Pembangunan menjadi suatu kegiatan yang berorientasikan nilai dan matlamat penyempurnaan kesejahteraan manusia dalam semua aspek. Aspek moral dan kebendaan, ekonomi dan sosial, kerohanian dan fizikal tidak boleh dipisahkan. Matlamatnya bukan sekadar kebijakan dan kesejahteraan di dunia ini tetapi berterusan sampai ke alam akhirat.

Pendidikan merupakan institusi terpenting dalam membina individu, generasi dan masyarakat menuju ke arah matlamat yang diinginkan. Pendidikan juga adalah wadah utama dalam pembangunan keluarga. Bidang pendidikan tertumpu kepada pembelajaran yang berkONSEPkan sepanjang hayat (*life long learning*) yang merangkumi pendidikan formal, informal dan non-formal.

Negara telah menggandakan usaha dalam mendidik dan mencerdaskan anggota masyarakat serta meningkatkan kebijaksanaan mereka menerusi gerakan pendidikan yang menyeluruh; menerusi institusi-institusi formal atau program-program non-formal dan informal, dengan harapan akan dapat membina generasi yang lebih berkeupayaan dan berketrampilan, berfikiran jauh, berpandangan tajam, mampu merumus penyelesaian dan menemukan jalan keluar dari kemelut yang melanda manusia.

Pendidikan bukan hanya bererti penguasaan ilmu atau kemahiran tetapi mencakupi pengalaman-pengalaman yang didapati di luar institusi formal seperti keluarga, masyarakat, masjid dan organisasi-organisasi.

### ***Institusi Pendidikan***

Di Negara Brunei, pendidikan dilihat sebagai satu proses yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap nilai dan gaya hidup seseorang warganegara, dan ianya dianggap sebagai satu mekanisme yang penting bagi pembangunan individu, masyarakat, dan negara.

Medan untuk melancarkan pendidikan itu dapatlah dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu:

#### ***Pendidikan Rumahtangga***

Pendidikan ini dikendalikan oleh ibubapa atau penjaga atau badan-badan tertentu yang memelihara anak-anak yatim. Pendidikan ini, merupakan lapangan pendidikan pertama dan utama yang sangat berpengaruh kepada pertumbuhan fizikal dan mental anak-anak.

#### ***Pendidikan Sekolah***

Pendidikan formal ini pada mulanya menyamakan pendidikan yang telah diterima anak-anak dari rumahtangga dan kemudiannya menyesuaikan dengan keperluan-keperluan dan suasana-suasana hidup dalam masyarakat.

Sekolah menyediakan anak-anak supaya berupaya menjadi warganegara yang menjalankan kewajipan dalam rumahtangga dan masyarakat dengan memberikannya pelajaran, kepandaian dan kelayakan tertentu menurut potensi dan kemahuan masing-masing.

Dalam pendidikan formal negara, fokus utama pendidikan ialah bersepadau iaitu saling hubungan antara tubuh, pemikiran, dan rohani; saling hubungan antara tanggungjawab kepada Pencipta, diri sendiri, persekitaran, dan komuniti; dan saling hubungan antara pelbagai domain ilmu pengetahuan.

Kurikulum sekolah disusun untuk membimbing para pelajar menilai secara kritis dan konstruktif tentang saling hubungan yang dinyatakan di atas supaya mereka dapat membina kesedaran tentang realiti bagi saling hubungan tersebut, menguasai kemahiran untuk membuat transformasi atau perjanjakan terhadap beberapa aspek saling hubungan tersebut apabila difikirkan perlu, dan membina daya tahan serta daya dorongan untuk terus berusaha memenuhi tuntutan saling hubungan itu.

### ***Pendidikan dalam Masyarakat***

Pendidikan lingkungan ini sangat berpengaruh dalam membentuk keperibadian dan pemikiran manusia. Seseorang yang hidup dalam masyarakat itu akan merasa, berfikir dan berbuat seperti yang dirasai, difikir dan diperbuat oleh masyarakat. Tidak ada pendidik yang tetap dalam masyarakat kerana suasana masyarakat dipengaruhi oleh golongan yang berpengaruh seperti pemimpin, cerdikpandai, ahli sukan, penyanyi, pelakon dan juga anggota masyarakat itu sendiri.

### ***Masjid Sebagai Institusi Pendidikan***

Masyarakat Islam memperolehi sifat-sifat kuat berpegang dengan akidah, syariat, persaudaraan dan perpaduan serta keadilan dalam urusan harian melalui pengajaran dan pembelajaran yang diberikan di masjid-masjid. Mereka juga memperolehi kefahaman yang mendalam mengenai ajaran dan hukum-hukum Islam hasil dari pembelajaran tersebut.

Sejarah membuktikan bahawa masjid telah mencatatkan peranan sebagai pusat pendidikan dari tradisi halaqah hingga ke puncak jaami'ah. Masjid Nabawi di Madinah, Masjid al-Azhar, dan Masjid Cordova menjadi pusat pendidikan terkenal, yang telah mampu membangun masyarakat Islam. Peranan masjid yang bersepada itu telah membawa hasil dan natijah yang positif khususnya dalam pembangunan individu, keluarga dan masyarakat. Oleh itu adalah wajar kita mengembalikan semula fungsi dan peranan masjid kepada pembangunan keluarga dan masyarakat melalui pendidikan.

### ***Peranan Masjid di Negara Brunei Darussalam.***

Masjid-masjid di negara ini, dibina di tempat yang luas dan strategik dengan segala kemudahan dan keindahan. Pihak Kerajaan yang diwakili oleh Majlis Ugama Islam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama mengawal pentadbiran masjid, memberikan bantuan kewangan dan melantik pegawai-pegawai masjid seperti Imam, Bilal dan Siak sebagai pegawai kerajaan. Orang ramai atau ahli kariah juga, diberi peluang untuk mengurus dan mentadbir masjid melalui jawatankuasa yang mereka lantik. Ini bermakna, Kerajaan telah memberikan segala kemudahan dan bantuan yang sewajarnya dan dalam masa yang sama memberikan peluang kepada penduduk kariah agar mengambil peranan penting di dalam usaha mengimarahkan masjid dengan menyerahkan pengurusan dan pentadbirannya kepada ahli kariah melalui jawatankuasa masjid.

Kewujudan masjid di negara ini dari segi kuantitinya sangat dibanggakan. Di mana-mana sahaja kita pergi tidak sukar untuk menemui masjid. Walau bagaimanapun dari sudut kuantiti perjalanan peranan dan fungsi masjid sebagai institusi pembangunan dan pendidikan keluarga Islam masih memerlukan pemberian dan peningkatan. Ini kerana masjid-masjid hanya berfungsi sebagai tempat sembahyang. Ia hanya dikunjungi ramai ketika solat Jumaat, Tarawikh dan sembahyang dua hariraya. Suasana meriah hanya kelihatan sepanjang bulan Ramadhan dan pada hari-hari tertentu sempena sambutan hari-hari kebesaran Islam.

Meskipun begitu, tidak dinafikan terdapat pelbagai aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak pentadbiran masjid untuk membangun keluarga Islam. Di antaranya: Aktiviti berkala dan bermusim seperti; kursus kefahaman keluarga dalam Islam, kursus permakanan yang baik dan halal bagi kesihatan, kursus bagi belia dan remaja, forum wanita dan kerjaya, kegiatan jualan amal dan sebagainya. Manakala aktiviti tetap ialah; kuliah maghrib dan subuh, kuliah fardhu Ain, fardhu Kifayah, kelas al-Qur'an, Muqaddam dan sebagainya.

Kelesuan institusi masjid berfungsi sebagai pusat pembangunan keluarga dan masyarakat dipengaruhi oleh berbagai faktor. Antaranya ialah:

- Pentadbiran dan pengurusan masjid tidak mengenalpasti prospek keperluan pembangunan sosio-ekonomi keluarga dan masyarakat setempat.
- Perspektif yang tidak jelas di kalangan pihak pengurusan tentang peranan dan fungsi masjid dalam pembangunan umat.
- Penglibatan dan sambutan masyarakat yang tidak memberangsangkan.
- Kekaburuan berhubung dengan ikatan pembangunan keluarga dan masyarakat dengan institusi masjid.

### **CADANGAN.**

Bagi menjayakan usaha menjadikan masjid sebagai tempat membangun keluarga melalui pendidikan ada beberapa perkara yang mesti dilakukan oleh pihak masjid di antaranya:

1. Pengurusan masjid diisi oleh golongan karyawan yang dapat membantu dalam meningkatkan mutu pentadbiran, perancangan dan strategi dakwah untuk mengimbangi masyarakat sekeliling yang kian tinggi pendidikan dan kemahirannya. Dengan taraf dan mutu pengurusan yang professional, kedudukan masjid sebagai pusat ibadat, dakwah dan pembangunan keluarga serta masyarakat akan dapat dikembangkan dengan lebih teratur dan membawa kesan yang mendalam.
2. Menghubungkan masjid dengan setiap penduduk kejiranan. Dengan adanya hubungan erat masjid dengan penduduk menerusi jawatankuasa di setiap kejiranan, ia akan memastikan peranannya yang dekat dengan penduduk.

3. Menyediakan tenaga pakar dalam pelbagai bidang ilmu, seperti ilmu agama, ekonomi, psikologi, undang-undang keluarga dan pendidikan. Mereka ini terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, para pendidik, graduan institusi pengajian tinggi dan mereka yang bersara dari perkhidmatan kerajaan.

Tujuan penyediaan ini adalah untuk membimbing dan membantu ahli jemaah masjid dalam apa jua permasalahan dan kekalutan yang menimpa mereka.

4. Menyediakan kemudahan-kemudahan prasarana:
  - a. Tempat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti seperti bilik-bilik darjah, bilik sumber, bilik kaunseling dan tempat untuk menempatkan kanak-kanak. Bilik-bilik tersebut sebaik-baiknya terletak di luar kawasan masjid untuk memudahkan kaum wanita pergi dan balik tanpa ada halangan yang membataskan pergerakan mereka.
  - b. Tempat tinggal berbentuk apartment untuk dijadikan asrama bagi remaja yang mengikuti kursus-kursus ilmu kekeluargaan dan ilmu peribadatan. Dengan menyediakan tempat tinggal akan memudahkan para peserta mengikuti program yang dianjurkan oleh pihak masjid sama ada diadakan pada waktu siang ataupun malam. Selain itu memudahkan bagi mereka yang tinggal jauh dari masjid.
  - c. Tempat penjagaan kanak-kanak dengan dilengkapskan dengan penjaga sementara dan peralatan yang diperlukan oleh kanak-kanak damit. Tujuannya bagi memudahkan para ibu menghadiri kelas-kelas ilmu dan perbincangan terutama bagi mereka yang tidak ada pembantu rumah. Cara ini akan memudahkan para wanita hadir ke masjid. Di samping beribadat mereka boleh menimba ilmu dan mendapatkan berkat untuk diri dan anak-anak yang dibawa ke masjid. Kanak-kanak sementara menunggu ibu mereka selesai mengikuti aktiviti yang mereka

hadiri, mereka juga dilatih dengan bacaan-bacaan yang bersesuaian mengikut umur mereka seperti bacaan surah lazim dan doa-doа.

- d. Kemudahan lain seperti komputer, telefon, televisyen dan lain-lain alat yang digunakan untuk belajar .
- 5. Menyediakan perkhidmatan pelanggan 24 jam, menerima aduan dan pertanyaan orang ramai yang memerlukan khidmat nasihat tanpa terbatas pada hari bekerja atau sebaliknya. Tujuannya untuk membantu meringankan atau menyelesaikan masalah pasangan yang mengalami krisis rumah tangga dan sekurang-kurangnya meredakan api kemarahan buat seketika sementara menanti hari siang.

Penyediaan perkhidmatan ini akan memberi bantuan kepada pelanggan pada bila-bila masa diperlukan.

- 6. Meningkatkan kefahaman orang ramai bahawa masjid bukan sahaja tempat melakukan peribadatan secara khusus tetapi juga tempat melakukan peribadatan secara umum iaitu kegiatan-kegiatan yang menjuruskan ke arah ketaatian kepada Allah. Membangun keluarga adalah salah satu ibadah umum apa lagi ia dilakukan melalui pendidikan sudah pasti berlakunya majlis ilmu yang boleh menambah pengetahuan orang ramai .

Cara meningkatkan kefahaman tersebut melalui pemberitahuan kepada orang ramai sama ada melalui khutbah jumaat, media-massa, di sekolah-sekolah dan melalui ketua-ketua kampong .

- 7. Meningkatkan kemajuan dan pembangunan keluarga Islam menerusi peningkatan kualiti dan penambahan kuantiti program-program pendidikan dan latihan, dengan matlamat menyediakan barisan anggota keluarga dan masyarakat yang dinamik, yang

mampu menyumbang secara efektif kepada proses perubahan dan transformasi masyarakat.

a. Program-program berbentuk kursus kekeluargaan

- Kursus pra nikah lebih awal diadakan oleh pihak masjid tanpa menjelaskan kursus pra nikah yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Para remaja diajarkan bagaimana mencari kawan untuk dijadikan sebagai bakal teman hidup dan tanggungjawab yang patut mereka ketahui. Hukum nikah cerai dan rujuk patut diajarkan. Mereka ini didedahkan dengan asas berkeluarga untuk membuka minda dan pandangan mereka mengenai tanggungjawab rumah tangga dan keluarga. Apa yang ada pada masa ini mereka hanya diberikan kursus kekeluargaan beberapa bulan sebelum bernikah dan adalah lebih baik mereka diberikan pengetahuan lebih awal secara perlahan-lahan mengikut tahap umur. Ini bertujuan supaya apabila melayari rumah tangga nanti, mereka akan menjadi pasangan suami isteri dan anggota keluarga yang benar-benar bertanggungjawab.

- Kursus Pengukuhan Keluarga.

Kursus diadakan bagi mereka yang telah bernikah tiga hingga lima tahun. Tujuannya bagi mengimbang kembali kursus yang telah mereka ikuti dan memberikan lagi ilmu rumah tangga yang sepatutnya mereka ketahui .

- Kursus Keibu-bapaan.

Kursus diberikan kepada mereka yang telah berumahtangga lima tahun ke sepuluh tahun. Tujuannya adalah untuk memandu pasangan mendidik anak-anak yang meningkat remaja. Biasanya pada masa inilah pasangan suami isteri menghadapi masalah dalam mendidik anak-anak kerana anak-anak sudah mula bergaul dengan kawan-kawan mereka yang datang dari berbagai pendidikan .

- Kursus Keluarga Bahagia .

Kursus ini diberikan kepada mereka yang berumahtangga lima belas tahun ke atas. Modul kursus lebih banyak menyentuh bagaimana menghadapi anak-anak yang mula mencari bakal teman hidup. Persediaan sebagai bakal mertua patut diberikan lebih awal. Hubungan baik di antara mertua dan menantu salah satu penyumbang kebahagiaan keluarga .

- Kursus kesihatan dan penjagaan diri zahir dan batin.

Kursus seperti ini adalah penting diberikan kepada mereka yang telah berumahtangga kerana ada pasangan yang tidak tahu bagaimana cara mengekalkan penjagaan kesihatan diri.

Kursus selain disampaikan oleh pihak kesihatan ada baiknya dilibatkan orang-orang tua kita yang berpengalaman dalam penjagaan badan dan mungkin kita boleh mendapatkan khidmat nasihat dari *pengangun* yang berpengalaman .

- Mengadakan program khusus untuk remaja-remaja yang tidak lagi bersekolah dan belum mempunyai sebarang

pekerjaan. Program ini bertujuan untuk menarik minat mereka agar mendekati masjid dan menjadi remaja masjid. Terdapat para remaja yang lebih senang berada di luar rumah bersama kawan-kawan di pusat membeli-belah dengan tujuan untuk menghilang rasa bosan di rumah. Mereka ini patut dibantu dengan memberikan ilmu yang berfedah agar menjadi remaja yang berdaya saing. Setakat ini remaja yang hadir ke masjid hanya terdiri dari remaja yang benar-benar berminat dan berakhhlak baik .

b. Program-program pembangunan ekonomi.

- Memberikan latihan kemahiran diri untuk meningkatkan taraf hidup keluarga Islam.
- Mengadakan pelbagai kursus motivasi dan kemahiran diri.
- Membuka peluang-peluang penglibatan ahli kariah dalam pelbagai bidang ekonomi seperti hal-hal yang berkaitan dengan pertanian, perikanan, penternakan, industri kecil-kecilan (makanan atau kraf tangan) serta agro dan eko pelancongan. Sabda Rasulullah salallahu 'alaihi wasallam:

عَنْ الْمُقْدَامِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَاماً قُطُّ، خَيْرٌ مِّنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ، وَإِنْ نَبَىَ اللَّهُ دُوَادٌ عَلَيْهِ السَّلَامُ كَانَ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ۔ (رواه البخاري)

Maksudnya:" Diriwayatkan oleh al-Miqdam radiallahu 'anhu, Nabi salallahu 'alaihi wasallam telah bersabda, "Tidak ada makanan yang lebih baik bagi seseorang kecuali makanan yang ia perolehi dari hasil keringatnya sendiri. Nabi Allah Daud 'alaihi salam, makan dari hasil kerjanya sendiri" (Diriwayatkan oleh Bukhari)

c. Program-program membangun sumber intelektual dan ilmu pengetahuan untuk memberi kebaikan dan nilai tambah kepada kehidupan. Firman Allah subhanahu wa taala:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ عَوْلَوْهُ الْأَلْبَبُ

(Al-Zumar:9)

Tafsirnya: " Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna".

- Mengadakan kursus-kursus kemahiran komputer.
- Menyediakan pembelajaran bahasa Inggeris dan Arab.
- Kelas-kelas fardhu Ain dan fardhu Kifayah.
- Mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang bersesuaian.

Firman Allah subhanahu wa taala:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونُ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ إِذَا نَسِيَ الْأَذْنُونَ بِهَا

فَإِنَّمَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَرُ وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ إِذِنَ فِي الصُّدُورِ (46: Al-Hajj)

Maksudnya: "Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya – dengan melihat kesan-kesan yang tersebut – mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar ? (tetapi kalaullah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata

*kepala yang buta, tetapi buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada." (Al- Hajj : 46)*

## CABARAN

Usaha masjid membangun keluarga melalui pendidikan tidak terlepas dari cabaran, di antaranya ialah:

1. Tanggapan orang ramai yang masih berterusan bahawa masjid adalah hanya untuk menunaikan ibadat sahaja.
2. Kemajuan perhubungan dan teknologi maklumat merubah kaedah kita berkerja dan cara kita memberi dan menerima perkhidmatan. Sebagai contoh, kalau dahulu keperluan mengaji dan agama dipenuhi menerusi tunjuk ajar guru-guru secara langsung, kini kemajuan IT membolehkan keperluan tersebut dipenuhi menerusi CD-ROM.
3. Persaingan dengan arus kemodenan seperti tempat hiburan, pusat membeli belah, cyber cafe dan corak kehidupan.
4. Kekurangan sukarelawan yang berdedikasi, ikhlas dalam perjuangan dan berkemahiran dalam pelbagai lapangan kehidupan.
5. Sumber kewangan yang terbatas.

Walaupun terdapat cabaran-cabaran yang menggugat peranan masjid sebagai pembangun keluarga melalui pendidikan, ia mestilah meneruskan usaha yang telah dirancang.

Perancangan yang menjurus kepada pembangunan keluarga akan dapat melahirkan warga negara yang tekun beribadat dan dapat memberikan

sumbangan kepada negara. Apabila masjid makmur, keluarga baik maka akan sejahtera lah sesebuah negara itu begitulah juga sebaliknya.

## KESIMPULAN

Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir masjid-masjid di seluruh negara, telah berjaya membolehkan masjid memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat. Langkah selanjutnya lebih penting lagi iaitu mengenalpasti kegiatan untuk menjadikan masjid lebih berprestasi.

Untuk merealisasikan misi dan visinya, masjid sebagai organisasi yang progresif harus memikirkan pendekatan segar dan mampu merancang strategi yang berupaya membawanya ke tahap cemerlang.

Keistimewaan sesebuah masjid bukan terletak kepada aspek hardware seperti kecantikan reka bentuk dan kelengkapan infrastrukturnya, tetapi lebih penting lagi ialah aspek softwarenya iaitu kesediaan dan keupayaan membawa masyarakat Islam Brunei menghadapi cabaran sejagat yang serba canggih dan penuh persaingan.

Sehubungan dengan itu, institusi masjid sebagai medan pendidikan ke arah pembangunan keluarga perlu lebih fokus dalam melakar dan melaksanakan program-programnya. Ia perlu melihat semula dengan teliti dan kritikal tentang pelaksanaan semua program masjid bagi memastikan kewujudan masjid ini akan lebih memberi makna, perkhidmatan yang relevan dan diperlukan. Berbekalkan ilmu, kemahiran dan pengalaman, perubahan sikap dan anjakan minda mudah dilakukan.

Pengurusan masjid harus bersedia meneroka, berpandangan terbuka dan bersikap realistik dalam segala perancangannya. Mereka perlu sedar, peka dan mengambil kira perubahan-perubahan yang berlaku pada setiap masa dan keadaan, termasuk keperluan dan aspirasi keluarga serta masyarakat Islam. Langkah-langkah yang lebih kreatif dan proaktif perlu dilakukan untuk

menyediakan perkhidmatan bermutu dan terbaik untuk sama-sama membangun institusi keluarga Islam.

Masjid sebagai aset masyarakat Islam bernilai jutaan dolar, perlu terus berkembang dan menjadi institusi ulung yang dapat dibanggakan negara agar masjid dapat menjadi Lambang Kecemerlangan Ummah di Abad 21.